



Ahli Jawatankuasa Perundingan **Perpaduan Malaysia** bermesyuarat dengan tujuan memberi penerangan kepada penduduk Borneo Utara, Sarawak dan Brunei mengenai penubuhan Malaysia.



Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman ketika **menandatangani perjanjian Pembentukan Malaysia** pada 9 Julai 1963, di London.



Ketua Menteri Sabah yang pertama, Tun Mohamad Fuad Stephens **mengisytiharkan Sabah** menyertai pembentukan Malaysia.

Sabah, Sarawak bentuk Malaysia

» Pembentukan beri kelebihan kepada dua negeri dalam urusan kuasa autonomi

Oleh Muhd Amirul Faiz Ahmad
amifaiz@bharian.com.my

Andai sejarah penubuhan Malaysia ditelusuri semula, sebenarnya Sabah dan Sarawak mempunyai kedudukan lebih tinggi berbanding 11 negeri di Semenanjung.

Kelebihan itu antara lain, diberi kuasa autonomi dalam banyak perkara seperti pendidikan, tanah, sistem kehakiman dan imigrasi.

Tokoh sejarah, Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim, berkata idea penubuhan Malaysia bermula apabila Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra gusar mengenai soal keselamatan yang dilihat mampu digugat berikutan penularan ideologi komunisme.

Indonesia mahu bergabung

“Tunku pada masa itu cukup berhati-hati melihat sikap pimpinan Indonesia yang mahu menggabungkan Sarawak dan Sabah menjadi sebahagian dari Indonesia. Tunku berpendapat keselamatan rakyat kedua negeri itu lebih terjamin andai ada satu gagasan ker-

jasama dibentuk.

“Sarawak dan Sabah bukan ditekan agar menerima idea Tunku itu. Pembentukan Suruhanjaya Cobbold dibuat dan hasilnya, majoriti rakyat kedua negeri itu bersetuju untuk sama-sama membentuk Malaysia bukan menyertainya,” katanya kepada *BH Ahad*.
Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan pada 17 Januari 1962 berperanan menjadi badan bebas dalam memberi keadilan kepada semua pihak selepas perundingan antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan British pada November 1961.

Suruhanjaya itu dianggotai lima ahli dipengerusikan bekas Gabenor Bank of England, Lord Cobbold, dua wakil Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Datuk Wong Pow Nee dan Ghazali Shafie (bekas Menteri Dalam Negeri, Al-

lahyarham Tun Ghazali Shafie, yang popular dipanggil King Ghaz); wakil Kerajaan British, Sir Anthony Abell dan Sir David Watherston, manakala H Harris bertindak sebagai Setiausaha.

Kay Kim menolak dakwaan setengah pihak mengatakan Sarawak dan Sabah menyertai Persekutuan Tanah Melayu, kerana asasnya, kedua-dua negeri itu bersama dengan Persekutuan Tanah Melayu membentuk Malaysia pada 16 September 1963.

“Tarikh awal penubuhan negara baru pada asalnya mahu ditetapkan pada 31 Ogos 1963. Tetapi diinjakkan ke tarikh yang kita sekarang sudah tahu. Saya rasa mungkin kerana tarikh 31 Ogos pada tahun itu bertindih dengan satu tarikh perayaan besar negara. Sebab itulah, tarikh pengisytiharaan Malaysia dilan-

🕒 27 Mei 1961

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra ketika Persidangan Persatuan Wartawan Luar Negeri Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura menekankan perlunya diwujudkan satu rancangan untuk membawa Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo, Brunei dan Sarawak dalam satu bentuk kerjasama politik

🕒 23 Julai 1961

Mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel Cawangan Tanah Melayu dan Borneo di Singapura telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia dipengerusikan Donald Stephens.

🕒 6-7 Jan 1961

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Sabah

🕒 Ogos 1961

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Sabah

🕒 18-20 Dis 1961

Mesyuarat kedua Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Kuching Sarawak



INFO

PERSEKUTUAN MALAYSIA

© **Penyata Suruhanjaya Penyiasat** Borneo Utara dan Sarawak, 1962 menerangkan hasil Laporan Suruhanjaya yang menunjukkan sejumlah 80% penduduk Borneo Utara dan Sarawak menyokong gagasan Malaysia. Laporan ini dikemukakan kepada kerajaan British dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada 21 Jun 1962.

© **Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj** menaiki pesawat dari Lapangan Terbang Sungai Besi pada petang 6 Julai 1963 untuk ke Singapura dan seterusnya ke London bagi menandatangani perjanjian penubuhan Malaysia.



Alasan tarikh dilanjut kepada 16 September

BH 16/9/12 MS 9

Dalam Perjanjian Penubuhan Persekutuan Malaysia, tarikh menubuhkan Malaysia ditetapkan pada 31 Ogos 1963. Namun mengikut rekod Jabatan Arkib Negara, perubahan tarikh dilanjutkan kepada 16 September kerana laporan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) hanya dapat disiapkan pada 14 September.

Ini selepas badan khas iaitu Suruhanjaya Cobbold menemui lebih 4,000 penduduk Sarawak dan Sabah dan menerima hampir 2,200 memorandum sepanjang Februari hingga April 1962.

Tokoh sejarah, Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim, berkata hasil laporan Suruhanjaya Cobbold menunjukkan kira-kira 80 peratus penduduk negeri Sarawak dan Borneo Utara (kemudian dikenali sebagai Sabah) meyokong penubuhan Malaysia dan memang ada pihak tidak menyokong tetapi majoriti membuat pilihan.

Katanya, sokongan rakyat itu dibuktikan menerusi laporan Suruhanjaya Cobbold dan diberi pengesahan oleh wakil Setiausaha Agung PBB.

Bentuk jawatankuasa kaji laporan Suruhanjaya Cobbold

Kay Kim berkata, Tunku Abdul Rahman selaku Perdana Menteri membentuk jawatankuasa mengkaji laporan itu yang dipengerusikan beliau sendiri, dibantu Timbalan Perdana Menteri; Tun Abdul Razak Hussein; Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin, Menteri Keselamatan Dalam Negeri; Datuk Dr Ismail Abdul Rahman dan Menteri Kerja Raya dan Telekom; Datuk V T Sambanthan.



“

Tindakan segelintir pihak yang cuba menghasut dengan membangkitkan sentimen kenegerian sempena Hari Malaysia tidak wajar dijadikan isu. Sejarah menunjukkan bahawa bersatu adalah lebih baik kerana menjamin kestabilan. Lagipun, Malaysia terdiri dari tiga bahagian iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak”

Dr Khoo Kay Kim,
Tokoh sejarah

jutkan,” katanya.

Mengimbu kembali detik-detik awal pembentukan Malaysia, pada 23 Julai 1961, Mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel

bagaan Malaysia.

“Andai Sabah dan Sarawak enggan membentuk Malaysia, berkemungkinan besar dua negeri ini dijajah Indonesia. Ketika

Cawangan Tanah Melayu dan Borneo di Singapura bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia dengan dipengerusikan oleh Donald Stephens.

Asas kepada penubuhan jawatankuasa itu adalah bagi menerangkan secara jelas konsep Malaysia kepada penduduk khususnya di Sabah, Sarawak dan Brunei.

Asas Perlembagaan Malaysia

Kay Kim berkata, memorandum yang dipersetujui jawatankuasa itu mengandungi beberapa perkara penting untuk dijadikan asas kepada Perlem-

itu, Indonesia adalah sebuah negara yang kuat dari segi jumlah penduduk dan ketenteraan.

“Adakah Sabah dan Sarawak mampu mengekang tekanan Indonesia kerana memang menjadi hasrat kerajaan pimpinan Presiden Sukarno mahu menggabungkan Sabah dan Sarawak, menjadi sebahagian wilayahnya yang besar,” katanya.

Kay Kim berkata, adalah lebih baik Sabah dan Sarawak membentuk negara ini kerana dua negeri berkenaan dipersetujui memperoleh kuasa autonomi dan diletakkan kedudukan lebih tinggi dari negeri di Semenanjung.



Hasil laporan suruhanjaya kemudian dikemukakan kepada Kerajaan British dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Selepas dikaji secara mendalam, barulah kedua kerajaan terbabit bersetuju menerima hampir keseluruhan cadangan yang dibuat oleh ahli Suruhanjaya itu.

“Pada Julai 1963, satu perjanjian ditandatangani di Pejabat Perhubungan Komanwel di Malborough, London membabitkan wakil Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura,” katanya.

Bagaimanapun, kata beliau, tindakan segelintir pihak yang cuba menghasut dengan membangkitkan sentimen kenegerian sempena

Hari Malaysia tidak wajar dijadikan isu.

“Sejarah menunjukkan bahawa bersatu adalah lebih baik kerana menjamin kestabilan. Lagipun, Malaysia terdiri dari tiga bahagian iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak” katanya.

Tunku Abdul Rahman selaku Perdana Menteri Malaysia pertama, secara rasmi membaca pengisytiharaan penubuhan Malaysia di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 16 September 1963 yang dihadiri 30,000 rakyat. Sebanyak tujuh kali laungan Merdeka berku- mandang sambil diselang-selikan laungan hadirin yang hadir.

6-7 Jan 1961

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Sabah

17 Jan 1962

Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan bagi meninjau pandangan penduduk negeri-negeri di Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak. Suruhanjaya dianggotai lima orang ahli iaitu Lord Cobbold, Datuk Wong Pow Nee, Mohd Ghazali Shafie, Sir Anthony Abell dan Sir David Watherston. Mr H. Harris sebagai Setiausaha

Julai 1962

Kata sepakat dicapai Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman dengan Tuan Harold MacMillan Perdana Menteri British untuk mengadakan rundingan.

9 Julai 1962

Perjanjian penting ditandatangani di Pejabat Perhubungan Komanwel di Malborough House, London. Perjanjian penubuhan Persekutuan Malaysia telah ditandatangani oleh wakil-wakil kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura.

16 September 1963

Upacara pengisytiharan Malaysia diadakan di Stadium Merdeka Kuala Lumpur. Pengisytiharan penubuhan Malaysia telah dibacakan oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman di hadapan lebih kurang 30 000 rakyat Malaysia